

20/01/2003

Kempen kecam Amerika

Hasnira Hassan

MELAKA: Rakyat negara ini diminta menyokong kempen keamanan bagi membolehkan mesej jelas dihantar kepada Amerika Syarikat (AS) dan negara yang bersekutu dengannya sebagai bantahan tindakan mereka menekan negara lain.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk R Raghavan, berkata

AS sudah bertindak keterlaluan apabila menggunakan kekuatan senjata bagi menekan dan mengancam negara lain.

Katanya, AS kini bertindak seolah-olah mereka adalah polis dunia sedangkan tiada satu negara pun memberinya pengiktirafan itu.

"Kita kesal tindakan AS menekan negara lain yang enggan mengikut telunjuknya kerana itu, kita berharap semua rakyat Malaysia menyokong kempen keamanan yang dianjurkan sebagai menunjukkan bantahan terhadap tindakan AS," katanya.

Beliau berucap pada pelancaran Kempen Sejuta Tandatangan Rakyat Malaysia yang diadakan di pusat beli-belah Mahkota Parade, di Bandar Hilir, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Naib Presiden Belia 4B Malaysia, Abdul Wahab Razak dan Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Zulkifli Alwi.

Sementara itu, Abdul Wahab berkata, kempen kutipan tandatangan yang dilancarkan di Zon Selatan itu akan diikuti Zon Utara dan Timur dalam jangka masa terdekat.

Beliau berkata, pihaknya mensasarkan sejuta tandatangan rakyat Malaysia pelbagai kaum dan bangsa yang berusia 12 tahun ke atas.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, seramai 1,000 petugas termasuk ahli Belia 4B dilantik bagi mengutip tandatangan di kawasan orang ramai termasuk balai polis dan sekolah.

"Kita berharap semua pihak termasuk pentadbiran sekolah dan polis dapat memberi kerjasama kepada petugas kita mengumpul jumlah tanda tangan rakyat," katanya.

Abdul Wahab berkata, tanda tangan berkenaan akan difailkan sebelum dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Februari depan di pusat beli-belah KLCC, di ibu negara iaitu sempena Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang diadakan selama lima hari

mulai 20 Februari depan.

"Kita berharap Dr Mahathir dapat menerangkan kepada dunia mengenai pendirian rakyat Malaysia yang inginkan keamanan dan membantah peperangan berdasarkan bukti tandatangan yang berserta nama dan nombor kad pengenalan.

"Kutipan tandatangan ini akan dibuat sehingga 15 Februari depan dan kini, kita berjaya mengumpul 10 peratus daripada jumlah tandatangan yang

disasarkan," katanya.